

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI ISNIN, 09 MEI 2005, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil.5**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. 65-100057  
**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sekiranya ada usaha-usaha menyusun semula kursus-kursus di Institusi Pengajian Tinggi di negara ini supaya pelajar-pelajar tidak terdorong mengambil kursus yang senang diperolehi tetapi pemegang ijazahnya tidak mudah laku di pasaran tenaga buruh.
2. 51-100012  
**Tuan Chiam Yong Tee** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kes-kes jenayah berat pada bulan-bulan suku pertama tahun ini, mengikut umur dan kaum.
3. 62-100156  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah tindakan yang diambil untuk memastikan Bandaraya Kuala Lumpur bebas dari pembiakan nyamuk Aedes.
4. 46-100322  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan kejayaan negara dalam bidang bio-teknologi dan berapakah bilangan bio-teknologi dalam negara.
5. 22-100257  
**Dato' Dr. Vijayaratnam a/l Seevaratnam** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah dasar Kementerian untuk mengurangkan tarif import kenderaan-kenderaan asing yang diimport sepenuhnya (CBU), tetapi menaikkan pula cukai eksaisnya bercanggah dengan konsep AFTA itu sendiri.

6. 19-100353  
**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah Jabatan Penjara Malaysia bercadang untuk mewujudkan Sistem 'Parole' di negara ini sebagai alternatif bagi mengatasi masalah kesesakan banduan di penjara di seluruh negara. Jika ada bilakah ianya akan dilaksanakan.
7. 72-100590  
**Dato' Kamarudin bin Ambok** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah strategi Kementerian di dalam menangani masalah banjir kilat di Kuala Lumpur, terutamanya pada waktu ini bila mana projek-projek pembangunan sedang hebat dilaksanakan dan mungkin akan menyebabkan berlakunya kerosakan dan halangan kepada aliran air. Apakah peranan DBKL di dalam menentukan perkara ini dapat dielakkan.
8. 9-100504  
**Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan mengenai jumlah lesen agensi persendirian (pengawal keselamatan) yang telah dan akan dikeluarkan oleh Kementerian dan apakah syarat-syarat yang perlu bagi memperolehi lesen tersebut.
9. 17-100405  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilangan projek bermasalah atau terbengkalai pada hujung tahun 2004 dan nyatakan 10 projek Kerajaan yang terbesar serta bermasalah dan apakah tindakan Kerajaan untuk memulihkan projek-projek tersebut.
10. 54-100044  
**Dato' Sri Empiang Jabu** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan penjelasan bagaimana pelajar-pelajar dari golongan berpendapatan tinggi menerima bantuan PTPTN dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memastikan hanya pelajar-pelajar yang tidak berkemampuan sahaja layak menerima bantuan PTPTN .
11. 66-100247  
**Tuan Hii Tiong Kuoh** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan masih terdapat kawasan-kawasan pembalakan yang ditinggal tanpa usaha. Selain daripada tanam semula dan juga perladangan apakah alternatif lain yang diusahakan oleh Kementerian.
12. 18-100488  
**Tuan Ismail bin Kasim** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan jangka panjang Kerajaan di dalam memantapkan mekanisme pelaksanaan projek di bawah RMK-9 memandangkan ianya adalah punca kelemahan pelaksanaan projek di bawah RMK yang lalu terutama di kawasan luar bandar. Apakah akan ada jentera baru dikendali untuk tujuan pemantauan atau jentera sedia ada dirombak.

13. 44-100267  
**Puan Safinah binti Jusoh** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah had masa (tempoh) yang ditetapkan oleh pihak Kementerian untuk mengeluarkan surat pengesahan jawatan bagi seseorang Pegawai Perubatan. Adakah terdapat faktor-faktor tertentu yang mempengaruhi penentuan tempoh tersebut memandangkan terdapat kes surat pengesahan jawatan dapat dikeluarkan dalam tempoh 2 tahun perkhidmatan dan ada pula kes yang terpaksa menunggu selama 5 tahun.
14. 58-100139  
**Datuk Hajjah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada pihak Kementerian sedar bahawa Malaysia diambang inflasi akibat daripada kenaikan harga minyak, tambang, tol, bahan-bahan binaan, minuman dan barang runcit. Apakah tindakan Kerajaan untuk menentukan supaya kenaikan barangan perlu tidak mendatangkan masalah terutamanya kepada mereka-mereka yang berpendapatan rendah.
15. 50-100514  
**Dato' Hamzah bin Zainudin** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah pandangan Kementerian terhadap pembukaan sebuah lapang sasaran dalam sebuah kompleks beli belah terkemuka di Bangsar, tidakkah ia mungkin membawa bahaya kepada pengunjung, terutama sekiranya berlaku masalah dan senjata api yang digunakan di lapangan tersebut berjaya di bawa keluar.
16. 4-100551  
**Datin Paduka Jaya Partiban** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian akan mengkaji kemungkinan melonggarkan syarat yang kini mensyaratkan sekurang-kurangnya 15 pelajar sebelum kelas bahasa ibunda (pupils own language (POL) dapat dijalankan demi memartabatkan sekolah kebangsaan.
17. 57-100157  
**Tuan Tan Bon You** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada PTPTN masih menghadapi kesulitan kewangan selepas meminjam RM2 bilion dari KWSP dan apakah langkah-langkah berkesan yang diambil oleh PTPTN bagi mengatasi masalah kewangan secara jangka panjang dan bagaimana PTPTN memperolehi sumber kewangan tanpa meminjam lagi.
18. 49-100563  
**Dato' Omar bin Faudzar** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan di dalam usaha meningkatkan lebih banyak penglibatan bumiputera dalam menentukan ekuiti pemilikan bumiputera di bidang korporat.

19. 48-100009  
**Dato' Dr. Chin Fook Weng** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah usaha untuk mengurangkan defisit kewangan negara mencapai sasarannya dan apakah masalah yang dihadapi semasa melaksanakan usaha itu serta perlukah dasar ini dikaji semula.
20. 60-100404  
**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapakah sumbangan sektor pertanian kepada KDNK negara sejak dari Januari 2004 sehingga sekarang dan berapakah jumlah pertambahan kawasan penanaman dan bilangan ternakan di antara Januari 2004 sehingga sekarang.
21. 38-100373  
**Puan Mariah binti Haji Abdullah** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi mengatasi lambakan kontraktor kecil kelas F di negara ini menyebabkan mereka menghadapi masalah dalam persaingan mendapatkan projek Kerajaan yang terhad.
22. 23-100170  
**Puan Siw Chun a/p Eam** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menarik minat dan mendidik graduan yang menganggur agar mereka boleh menerima dan melibatkan diri dalam sektor pertanian dan mempraktikkan teknologi moden dalam operasi dan pengurusan seperti yang disarankan oleh YAB Perdana Menteri.
23. 67-100092  
**Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah "benchmark" yang diletakkan oleh Kerajaan terhadap tahap pencapaian atlit-atlit Kebangsaan, kerana didapati kualiti dan mutu pencapaian atlit dewasa ini semakin menurun dan tidak menunjukkan penambahbaikan.
24. 39-100458  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah kebenaran punca pegawai perubatan dan doktor dari hospital Kerajaan berhijrah ke hospital swasta adalah disebabkan imbuhan yang diberikan oleh Kerajaan tidak setimpal dengan tanggungjawab mereka.
25. 40-100027  
**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengenakan syarat kepada setiap pengurusan hotel dan resort supaya wajib menyediakan pengawal penyelamat bagi mengelakkan kejadian lemas di kolam renang.

26. 30-100529  
**Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengenai cadangan pemberian insentif kepada guru-guru di pedalaman. Adakah Kementerian akan mempertimbangkan juga kepada guru-guru yang berkhidmat di bandar-bandar di mana dilaporkan hampir 50% daripada gaji dikeluarkan bagi pembayaran sewa rumah yang tinggi.
27. 21-100238  
**Datin Naomi Chong Set Mui** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Jabatan Peguam Negara akan mengambil tindakan segera untuk melantik lebih ramai pegawai pendakwa raya bagi mengendalikan kes-kes rasuah di Sabah berdasarkan komen oleh Hakim Mahkamah Tinggi baru-baru ini terhadap kekurangan pegawai-pegawai tersebut.
28. 42-100062  
**Tuan Tan Cheng Tee** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan mengapakah sebelum sistem kuota penjualan diesel dijalankan, bekalan diesel tidak pernah terputus di stesen-stesen minyak berbanding kini para pengguna mengalami kesukaran untuk mendapatkan bekalan bahan itu jika stesen minyak kehabisan kuota yang ditetapkan.
29. 17-100402  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan Jabatan Kerajaan yang sudah menggunakan Indikator Prestasi Utama untuk memantau prestasi Jabatan dan apakah pengalaman penggunaan KPI setakat ini.
30. 14-100434  
**Tuan Krishnan a/l Maniam** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan statistik pelajar yang bersekolah di sekolah-sekolah Tamil dari tahun 2000 - 2005 dan adakah terdapat peningkatan di dalam bilangan pelajar berdaftar sejak tahun 2000.
31. 18-100496  
**Tuan Ismail bin Kasim** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah strategi Kementerian untuk memastikan setiap kursus yang ditawarkan baik IPTA mahupun IPTS adalah di dalam piawaian tertentu dan boleh diiktiraf oleh majikan.
32. 9-100520  
**Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang memendekkan masa mengerjakan haji kurang daripada 42 hari kepada satu tempoh yang memadai untuk memenuhi rukun dan syarat haji bagi menjimatkan kos dan perbelanjaan mengerjakan haji yang semakin meningkat dari tahun ke tahun.

33. 31-100019  
**Datuk Benedict Bujang Tembak** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah atau pun akan diambil untuk mengatasi masalah aktiviti nelayan negara asing (foreign vessels) menangkap ikan secara haram di perairan Sarawak (Sarawak waters) dan menjual ikan itu di Laut China Selatan kepada kapal-kapal asing semakin meningkat kala ini yang secara tidak langsung amat merugikan Sarawak.
34. 24-100568  
**Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jaminan bahawa negeri Sabah akan mencapai status negeri maju selaras dengan Wawasan 2020 Malaysia. Ini kerana masalah jajaran infrastruktur dilihat boleh menjejaskan usaha pembangunan Sabah yang kini jauh ketinggalan berbanding negeri-negeri Semenanjung.
35. 20-100114  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan:-
- (a) jumlah ibu tunggal yang telah menerima bantuan dan jumlah yang masih dalam perhatian dan tindakan untuk dibantu; dan
  - (b) apakah jenis bantuan, latihan kemahiran dan jenis kaunseling yang akan dilaksanakan untuk meningkatkan ekonomi, kesedaran sendiri serta budaya saing kerja ibu-ibu tunggal ini.
36. 60-100341  
**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :-
- (a) apakah tindakan mahkamah antarabangsa tidak boleh diambil terhadap Singapura kerana gagal menyelesaikan masalah pembayaran CPF kepada pekerja semenanjung yang bekerja di negara tersebut; dan
  - (b) benarkah isu CPF boleh selesai jika jet pejuang Singapura dibenarkan mengguna ruang udara Johor untuk latihan.
37. 39-100457  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha-usaha yang akan dilaksanakan agar pertanian tanaman tradisional dapat diketengahkan dan dikomersialkan.

38. 37-100540  
**Dato' Sri Lim Sing @ Lam Kam Sang** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sama ada terdapat cadangan untuk memansuhkan sistem pemasaran diesel bersubsidi dan tidak bersubsidi dengan penyemakan harga kedua-duanya supaya masalah bekalan permintaan diesel menjadi lebih mantap sepanjang masa.
39. 62-100128  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa terdapat sekolah-sekolah yang belum sempurna infrastrukturnya tetapi telah digunakan sepenuhnya sehingga membahayakan keselamatan murid-murid sekolah.
40. 45-100302  
**Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah sebenar pengangguran siswazah mengikut negeri, jantina dan bidang pengajian.
41. 70-100204  
**Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan setakat ini berapakah pemilik stesen minyak yang telah diambil tindakan oleh Kementerian kerana bersekongkol dengan sindiket menjual minyak diesel kepada pihak industri.
42. 24-100565  
**Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah strategi Kerajaan di dalam memastikan mekanisme dan jentera pembahagian dan pengagihan peruntukan bagi pembangunan negeri Sabah dapat dilakukan secara adil dengan penekanan kepada pembangunan infrastruktur asas terutama di kawasan luar bandar dalam RMK-9.
43. 67-100118  
**Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah strategi Kementerian untuk mewujudkan satu sistem pendidikan kebangsaan yang lengkap bagi melahirkan warganegara Malaysia cemerlang yang bersatu padu terutama di kawasan luar bandar, memandangkan kebanyakan daripada sekolah-sekolah kebangsaan luar bandar masih dibelenggu masalah prasarana dan gagal menarik pelajar-pelajar bukan Melayu untuk menyertai sistem pendidikan kebangsaan.
44. 45-100290  
**Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah sebenar penguatkuasa agama di seluruh negara termasuk di bawah Jabatan Agama Negeri-negeri.

45. 70-100185  
**Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah dan tindakan Kementerian untuk memperbetulkan imbangan di mana nilai pelaburan syarikat-syarikat Malaysia di Australia mencatatkan A\$6.3 billion tetapi nilai pelaburan syarikat-syarikat Australia di Malaysia hanya mencecah A\$485 juta.
46. 27-100475  
**Puan Hajah Che Jam binti Harun** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil untuk menampung kekurangan tabung darah di hospital-hospital di seluruh negara dan nyatakan juga kemudahan dan ganjaran menarik yang akan diberikan kepada para penderma-penderma darah tersebut.
47. 41-100263  
**Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan:-
- (a) manakah kawasan sempadan darat dan perairan yang belum ditetapkan sempadan hak milik Malaysia; dan
  - (b) apakah langkah yang diambil untuk menyelesaikan masalah ini.
48. 8-100497  
**Tuan Saravanan a/l Murugan** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mengapakah jenayah rogol semakin menjadi-jadi di negara ini dan sejauh manakah rancangan Kementerian untuk mengatasinya dari terus menghantui golongan wanita.
49. 43-100029  
**Puan Hajah Samsiah binti Samsudin** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian dapat memastikan bahawa perairan kita bebas dari ancaman lanun dan penganas.
50. 52-100573  
**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah kuasa sebenar dari segi undang-undang yang diberikan kepada Polis Bantuan Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS).
51. 7-100234  
**Dato' Ratnam a/l Muthiah** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rancangan Kerajaan supaya golongan bumiputera dapat mencapai hak milik ekuiti sebanyak 30% ataupun lebih sebelum 2010 kerana mereka merupakan 60% daripada jumlah penduduk negara ini.

52. 49-100566  
**Dato' Omar bin Faudzar** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah rancangan sebenar Kerajaan sewaktu Ibu Pejabat Polis Negeri Pulau Pinang mengambil alih 2 blok Perumahan Kos Rendah di Taman Tun Sardon di Gelugor daripada Kerajaan Negeri untuk dijadikan kuarters sejak tahun 90an tetapi malangnya blok-blok tersebut akhirnya dibiarkan kosong tidak berpenghuni dan menyebabkan bangunan tersebut rosak serta menjadi sarang penagih dadah.
53. 53-100200  
**Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) memandangkan Kerajaan berhasrat untuk meningkatkan bilangan pekerja bukan bumiputera dalam Perkhidmatan Awam, berapakah bilangan permohonan yang diterima oleh bukan bumiputera dan berapakah bilangan pemohon yang berjaya ditawarkan serta mengambil kesempatan ini untuk berkhidmat dengan Kerajaan; dan
  - (b) adakah Kerajaan bercadang untuk mengetepikan salah satu syarat iaitu kredit dalam Bahasa Malaysia dan digantikan dengan lulus sahaja untuk menambahkan bilangan pemohon memandangkan Kerajaan kini berhasrat meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris di kalangan kakitangan Kerajaan.
54. 47-100317  
**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilangan sekolah wawasan dan bestari di seluruh negara sehingga kini dan sejauh manakah kejayaan sekolah jenis ini. Adakah Kementerian bercadang untuk menubuhkan sekolah wawasan di negeri-negeri di Pantai Timur.
55. 33-100419  
**Datuk Kalakau @ Kalakan bin Untol** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah program pembangunan pertanian Kementerian yang bakal dirancang untuk negeri Sabah dan Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Ke-9.
56. 19-100347  
**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan kedudukan dan pendirian Kerajaan berhubung tuntutan bertindih di Rantau Asia Tenggara yang melibatkan hubungan minyak dan kedaulatan sesebuah negara.

57. 20-100093  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan
- (a) bilangan Pusat Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang telah dibina sehingga Mac 2005 dan bilangan pelatih serta kos yang terlibat; dan
  - (b) adakah Kementerian bercadang menubuhkan kem-kem latihan di setiap kawasan parlimen dan berapakah jangkauan kos yang terlibat.
58. 57-100141  
**Tuan Tan Bon You** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapakah bilangan pegawai bukan Bumiputera yang bertugas di pejabat pendidikan daerah di seluruh Malaysia pada masa kini dan adakah Kementerian bercadang untuk menetapkan sekurang-kurangnya seorang pegawai bukan Bumiputera di setiap pejabat pendidikan daerah.

## ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Dato' Hamzah bin Zainudin dan masalah dicadangkan:-**

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesebelas.”

### Menyambung semula Perbahasan atas masalah [ 5 Mei 2005 ]

2	(D.R. 1/2005)	Rang Undang-undang Kawalan Pertukaran Wang (Pindaan) 2005	<b>Bacaan Kali Yang Kedua</b>
3	(D.R. 5/2005)	Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan (Pindaan) 2005	“
4	(D.R. 3/2005)	Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 2005	“
5	(D.R. 28/2004)	Rang Undang-undang Konvensyen Senjata Kimia 2004	“
6	(D.R. 7/2005)	Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004) 2005	“
7	(D.R. 6/2005)	Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2005	“
8	(D.R. 2/2005)	Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan (Pindaan) 2005	“

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2005</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
ST.1	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) Tahun 2003 (Telah Diaudit).	9 Mei 2005
ST.3	Laporan Tahunan Universiti Putra Malaysia (UPM) Tahun 2003.	9 Mei 2005
ST.4	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaya (Telah Diaudit) Tahun 2003.	9 Mei 2005
ST.5	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) Tahun 2002 (Telah Diaudit).	9 Mei 2005
ST.8	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Tahun 2001 Pusat Perubatan Universiti Malaya.	9 Mei 2005
ST.31	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional Tahun 2003 (Telah Diaudit).	9 Mei 2005